

COVID-19: Impak kepada ekonomi, peranan institusi waqaf



Oleh Prof. Datuk Dr. Kasim Mansur

UMUMNYA takrif waqaf ialah mengampunkan harta untuk dikhususkan kegunaan manfaatnya oleh pihak-pihak tertentu yang dinyatakan oleh pembuat waqaf. Hasrat dan objektif utama waqaf ialah untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T.

Perkataan waqaf berasal daripada perkataan Arab 'waqafa' yang bermaksud berhenti, diam di tempat, menegah dan menahan atau tetap berdiri.

Menurut Syed Sabiq (Fiqh al-Sunnah) waqaf dari segi istilah ialah menahan harta dan memberikan manfaatnya pada jalan Allah. Sahib Abu Hanifah, Abu Yusuf dan Muhammad Hassan pula berpendapat waqaf ialah menahan 'ain ma'wuf (benda) sebagai milik Allah atau pada hukum milik Allah dan sedekahkan manfaatnya kepada masyarakat umum ke arah kebajikan dari mula hingga akhirnya.

Dr. Muhammad Al-Ahmad Abu Al-Nur, menyatakan waqaf ialah harta atau hartanah yang ditahan oleh pemiliknya serta dapat menghalang penggunaannya dengan dijual atau dibeli ataupun diberikan sebagai pemberian dengan syarat dibelanjakan faedahnya atau keuntungannya atau hasil mahsulnya kepada orang yang ditentukan oleh pewaqaf.

Takrif-takrif di atas telah menunjukkan kedudukan waqaf sebagai sebahagian daripada amalan yang ditekankan dalam ajaran Islam. Allah SWT. berfirman yang bermaksud:

"Bandangan (pahala) orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, dan pada tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Allah melitipgandakan (pahala) bagi setiap yang Dia kehendaki dan Allah Maha luas (KurniaanNya) lagi Maha Mengetahui." (Surah al-Baqarah: Ayat 261)

SEJARAH WAQAF

Sejarah waqaf bermula pada tahun 622M dimana Rasulullah SAW sendiri membeli tanah bagi pembinaan Masjid Quba' daripada dua saudara yatim piatu iaitu Sahal dan Suhail dengan harga 100 dirham.

Ini diikuti pula dengan waqaf Masjid Nabawi enam bulan selepas pembinaan Masjid Quba'. Di zaman Rasulullah SAW, Sayidina Uthman 'Affan telah mewakafkan telaga al-Ru'mah yang menjadi sumber bekalan air utama untuk umat Islam ketika itu.

SYARAT WAQAF

Waqaf mempunyai akad

atau syarat-syarat tertentu yang mewajibkan wakif (pembuat waqaf) laksanakan sebelum mewakafkan hartanya. Antara syarat-syaratnya ialah wakif tersebut telah dewasa, berakal sehat, tidak berhalangan membuat perbuatan hukum, dan pemilik sah dari harta benda yang diwakafkan.

Akad waqaf yang diikrarkan seorang wakif harus disaksikan oleh dua orang saksi dan pejabat pembuat akta waqaf. Ikrar akad waqaf dilaksanakan dengan ikrar dari pentadbir atau dikenali juga sebagai padzir iaitu orang yang mentadbir harta waqaf untuk tujuan ibadah dan kesejahteraan masyarakat.

COVID-19 DAN KESANNYA KEPADA EKONOMI

Tidak dinafikan COVID-19 atau wabak Novel Coronavirus 2019 yang melanda dunia saat ini telah memberi impak ekonomi yang besar kepada seluruh negara.

Hingga penulisan ini dibuat sebanyak 320,000 telah dijangkiti positif COVID-19 dan telah mencecah 20,000 kematian dicatatkan diseluruh dunia.

Berikutan dengan kadar jangkitan yang semakin meningkat seluruh negara telah melaksanakan dasar 'lockdown'. Pergerakan sektor ekonomi telah terkesan dan faktor utama yang tidak menerima tekanan serius ialah pasaran buruh berbanding faktor pengeluaran yang lain ($Q = L, L, C, E$).

Dalam konteks buruh (sumber manusia) secara global, sebagai agent penggerak ekonomi berjalan perlahan meskipun dalam era IT masih mempunyai pilihan untuk bekerja daripada rumah.

Pergerakan ini adalah disebabkan oleh MCO yang telah berkuatkuasa di hampir seluruh negara di dunia. Keterbatasan pergerakan ini merentasi semua sektor dalam ekonomi, sama ada dalam sektor awam dan swasta.

Keterbatasan pergerakan buruh tidak terhenti pada satu tahap tertentu tetapi giombang ini semakin membesar dan saling berkaitan dalam apa yang dipanggil dalam ilmu ekonomi 'arus lingkaran kegiatan ekonomi'. Telah mengganggu aktiviti perniagaan dalam semua sektor ekonomi keseluruhannya.

Ahli ekonomi meramalkan dalam tempoh yang singkat ini sekitar 2.4 juta akan mengalami kehilangan pekerjaan dalam pelbagai bentuk. Ada yang mengangsur secara bermusim dan yang pastinya pengangguran tidak ketara dan pengangguran kitaran mendominasi kumpulan penganggur kesan COVID-19.

Kerisauan merebaknya jangkitan COVID-19 memerlukan tindakan drastik daripada pemerintah dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau Movement Control Order (MCO). Polisi 'social distanc-

ing' yang berkuatkuasa merupakan langkah terbaik dalam membendung merebaknya COVID-19 di kalangan masyarakat.

PKP bukan hanya menghadkan pergerakan individu di luar rumah tetapi juga penutupan sementara beberapa aktiviti perniagaan dan institusi/organisasi awam dan swasta.

Tentunya pemberhentian aktiviti dan operasi industri dari institusi memperlahankan lagi arus lingkaran kegiatan ekonomi. Tindak balas di pihak industri selaku pengeluaran barangan dan perkhidmatan daripada pelaksanaan PKP terpaksa mengambil tindakan melakukan pemberhentian sementara atau pemberhentian kekal terhadap sebilangan pekerja.

Dalam konteks Malaysia secara umumnya industri yang terkesan adalah daripada industri kecil dan sederhana (SMEs) yang melibatkan antara 80 peratus daripada tenaga kerja sektor swasta.

Berkait dengan permintaan dan penawaran barangan dan perkhidmatan, MIER meramalkan KDNK susut 6.9 peratus dan mengakibatkan pertumbuhan - 2.9 peratus tahun 2020 (OECD, 2020; Mohd Nazari Ismail, 2020).

Sektor perkhidmatan seperti pelancongan antara sektor yang terkesan teruk. Manakala sektor yang berkaitan dengannya juga tidak terlepas daripada kegawatan yang berlaku.

Negara-negara yang masing-masing mengalami purata kejatuhan sebanyak hampir 90 peratus tempahan penginapan hotel. Sektor pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi telah diarah tutup dan senario ini merentasi negara-negara yang tertimpa wabak COVID-19.

Setakat penulisan ini dibuat, kadar pemberhentian pekerja di Amerika Syarikat telah mencecah 4 juta orang. ILO meramalkan 25 juta pekerja akan kehilangan pekerjaan di seluruh dunia.

Indek pengeluaran industri secara keseluruhannya turut jatuh. Dalam dua bulan pertama negara China antara negara pengeluar utama dunia telah mengalami kejatuhan index pengeluaran industri sebanyak 14 peratus (pertumbuhan negatif).

Kejatuhan ini dijangka berterusan dalam tempoh beberapa bulan yang mendatang. Kebanyakan ahli ekonomi menjangkakan tahun 2020 China akan mencatatkan pertumbuhan terendah dalam sejarah.

Industri gas dan minyak juga tidak terlepas dengan malapetaka ini dengan harga semasa US26.22 setong (setakat penulisan ini dibuat) harga terendah sejak tahun 2001.

Nilai saham, bon, pasaran komoditi secara umumnya terjejas. Nilai pasaran saham utama global seperti FTSE, purata industri Dow Jones, Nikkei turut merudum dan menjunam sejak wabak COVID-19 tersebar akhir tahun 2019.

Senario ini tentunya akan

membanjut pertumbuhan ekonomi global dan bukan suatu yang mudah bagi mana-mana kerajaan membendungnya. Berikutan dengan merebaknya COVID-19, IMF telah mengisytiharkan bahawa ekonomi dunia telah memasuki era kemelesetan (recession) (IMF, 2020).

Di kebanyakan negara yang menerima bauxana COVID-19, pelbagai pakej ransangan ekonomi telah diperkenalkan. Dalam konteks Malaysia beberapa pakej ransangan ekonomi yang jangka pendek dan panjang telah dilaksanakan.

Secara umum pakej-pakej ini lebih bersifat jangka pendek untuk memastikan momentum pertumbuhan ekonomi tidak terbantu. Pakej-pakej ini memastikan fundamental ekonomi terus kukuh. Di samping itu pakej ransangan ekonomi ini juga memberi keutamaan kepada kebajikan masyarakat khususnya golongan B40 dan M40.

WAQAF DAN IMPAK KEPADA SOSIOEKONOMI

Seperti yang dijelaskan terdahulu, waqaf merupakan satu bentuk pengamalan melibatkan kombinasi tabungan (saving) dan pelaburan (investment). Pendekatan dan kaedah operasi waqaf ialah dengan meletakkan sesuatu aset yang diwakafkan kepada yang lebih produktif.

Matlamat akhir ialah meletakkan aset yang tidak produktif kepada aktiviti yang lebih produktif, yang dengan sendirinya kaedah ini membolehkan peningkatan pengumpulan modal dalam ekonomi.

Penulisan ini tidak bermaksud untuk membuktikan kelebihan dan keunikan institusi waqaf dalam memperkasa perekonomian sosio-ekonomi masyarakat dan negara.

Banyak penulisan dan kajian telah dibuat oleh para ilmuwan Islam dan ahli ekonomi kontemporari sejak dari zaman pemerintahan awal Islam 1,400 yang lalu hinggalah ketika ini (Islahi, 1996; Cizacka, 1998; Mochammad Arif Budiman, 2014).

Matlamat utama dalam penulisan ini ialah cuba untuk mengaitkan peranan waqaf dalam menangani kegawatan ekonomi semasa yang terkesan akibat daripada jangkitan COVID-19 yang melanda ekonomi global.

Tiga sifat utama waqaf; hak milik kekal, Tidak terbalat dan tidak boleh pindah milik. Ciri-ciri waqaf yang unik ini menjadikan aset waqaf berdaya tahan (mapan) dan bertahan lama (sustainable). Justeru, dalam situasi apapun keadaan dan kedudukan ekonomi setempat dan global institusi waqaf tetap kukuh.

Kerana aset waqaf bebas daripada sebarang komitmen daripada institusi-institusi lain khususnya institusi kewangan yang ada. Kerana harta waqaf itu sendiri bebas daripada sebarang tanggungan kewangan dalam bentuk hutang

dan sebagainya. Segala harta waqaf secara keseluruhannya bukan merupakan perolehan pemerintah (Kerajaan) tetapi harta-harta waqaf adalah asalnya 100 peratus hak milik yang memberi waqaf.

Tentunya harta-harta waqaf tertarik kepada peraturan dan perundangan yang diluluskan oleh kerajaan, dan kedudukan ini berbeza antara negara-negara Islam.

Dalam konteks Malaysia urustadbir harta waqaf dikelola di bawah Majelis Agama Islam di setiap negeri. Urustadbir ini dibuat secara berasingan mengikut kehendak peraturan berkanun bersesuaian dengan Enakmen dan peraturan yang ada disetiap negeri.

Kerajaan negeri selaku pemegang taruh utama memastikan faedah dan manfaat disalurkan kepada mereka yang memerlukan bersesuaian dengan kehendak syarak.

Justeru peranan dan tanggungjawab institusi waqaf kepada perekonomian masyarakat terserlah. Institusi waqaf jika dibudayakan dalam konteks bersekala mega mampu untuk memberi manfaat kepada masyarakat yang terkesan daripada kegawatan atau kemelesetan ekonomi.

Dengan sendirinya hal ehwal kebajikan umat Islam khususnya terpelihara. Secara tidak langsung juga peranan waqaf boleh mengurangkan beban pemerintah dalam memenuhi keperluan sosioekonomi golongan B40.

Dalam ertian lain peranan institusi waqaf boleh berperanan sebagai alternatif dalam menangani keperluan sosioekonomi golongan B40 dan M40 daripada mengganggu kewangan fiskal negara.

Sesungguhnya institusi waqaf dalam hal ini mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan MNCs. Dalam konteks Malaysia nilai harta-harta waqaf jika disatukan, dari segi saiz dan nilai modal ianya melebihi mana-mana MNCs yang wujud.

Justeru institusi waqaf itu sendiri merupakan satu konglomerat patuh syariah yang mampu menyiangi kehabatan urusniaga MNCs tetapi masih memiliki banyak kelemahan dan keterbatasannya.

Tidak dinafikan bahawa amalan berwaqaf memberi impak yang besar kepada permasalahan ummah. Impak dan kesan waqaf terhadap sosioekonomi ummah secara umum amat signifikan dan positif.

Harta waqaf dalam pelbagai bentuk dan sifat bernilai bilion kalaupun tidak trilion ringgit seperti hartanah, masjid/surau, sekolah/madrasah, dewan serbaguna, rangkaian penawaran barangan dan perkhidmatan, pasaran saham dan mana-mana aktiviti patuh syariah memiliki kesan penganda yang amat tinggi dalam ekonomi.

Sudah tentu mampu memberi banyak manfaat kepada masyarakat umum.

Kemudahan, peluang serta perkhidmatan yang disediakan dapat memenuhi keperluan dan kebendak ummah.

Sebagaimana Allah SWT telah menjanjikan ganjaran yang besar kepada wakif selagi mana prasara yang diwakafkan diguna dan dimanfaatkan oleh orang ramai dalam masyarakat. Allah SWT berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh buah. Pada tiap-tiap buah seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha luas (kurniaanNya) lagi Maha Mengetahui." (Surah al-Baqarah (2): 261).

Daripada Abu Hurairah R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud:

"Apabila mati seseorang anak Adam, akan terhentilah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jahriah atau ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang mendoakannya." (Hadis Riwayat Muslim)

Kebanyakan negara-negara yang mempunyai penduduk yang beragama Islam seperti Mesir, Arab Saudi, Jordan, Kuwait, Oman, Yaman, Turki, Bangladesh, Indonesia, Mesir, Malaysia dan Pakistan, mengembangkan dan menerapkan mekanisme waqaf sebagai salah satu instrumen untuk membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat Islam (Prihatini, 2005).

Institusi waqaf semestinya membawa banyak kebaikan kepada umat Islam khususnya dan masyarakat secara keseluruhannya. Justeru kekayaan yang Allah SWT anugerahkan kepada umat Islam merupakan satu bentuk ujian.

Namun jika kekayaan itu disalurkan dalam bentuk waqaf, bukan hanya limpahan waqaf dapat dirasai oleh masyarakat dalam bentuk material tetapi aliran ganjarannya yang berkekalan hingga hari akhirat.

Dalam konteks ekonomi, ianya merupakan alat pengalihan semula pendapatan atau kekayaan daripada orang yang berada kepada golongan miskin yang akhirnya memberi impak jangka yang bernilai tinggi. Pengalihan semula ini juga berupaya mencairkan dan merongkai banyak peluang ekonomi yang baharu (Asmak Ab Rahman, 2009).

Dalam Al-Qur'an terdapat beberapa ayat yang menganjurkan untuk memanaikan waqaf antara lain dalam beberapa surah seperti surah Al-Imran:92, surah Al-Baqarah: 261 dan surah Al-Baqarah: 267. Dalam surah Al-Imran ayat 92 Allah berfirman yang bermaksud:

"Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan seba-

hagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya. (Surah Al-Imran: 92)

Tantanya penyer-taan dalam aktiviti waqaf merupakan satu bentuk ibadah yang tinggi nilainya di sisi Allah SWT. Manakala dalam konteks ekonomi, waqaf boleh menjadi mekanisme pengalihan semula pendapatan dan kekayaan bagi mencapai pembangunan ekonomi dalam konteks yang menyeluruh.

Fundamental ekonomi negara dapat diperkuatkan dan dalam masa yang sama sosioekonomi masyarakat dapat ditangani dengan berkesan lebih-lebih lagi dalam suasana kemelesetan ekonomi seperti yang dihadapi ketika ini.

KESIMPULAN

Dalam senario ekonomi global yang merudum ketika ini akibat merebaknya wabak COVID-19 telah memberi impak yang amat membimbangkan. Golongan yang paling terkesan daripada COVID-19 ketika ini ialah mereka yang berpendapatan rendah atau kumpulan B40 dan M40.

Ketika ini impak kepada golongan ini menjadi isu utama negara yang perlu ditangani segera. Seandainya peranan waqaf telah diperkasa dan diinstitusikan sudah tentu isu-isu sosio-ekonomi ummah dapat ditangani dan ditangani tanpa mengganggu dasar fiskal negara.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa impak waqaf dalam meningkatkan sosioekonomi ummah amat signifikan dan berimpak tinggi. Pengalaman institusi waqaf yang dilalui oleh beberapa negara-negara Islam ternyata telah membuahkan keberhasilan yang luar biasa.

Objektif utama waqaf untuk kegiatan pemberdayaan sosioekonomi dengan tujuan peningkatan kesejahteraan melalui 'capacity building', begitu seterusnya.

Asas kepada pelaksanaan sistem waqaf adalah bertujuan meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat. Dalam masa yang sama membudayakan institusi waqaf dalam sistem ekonomi merupakan satu proses pembentukan keimanan agar masyarakat Islam secara umumnya memiliki keketahanan mental dan spiritual serta berdaya saing dalam hal-hal kemakmuran dan kesejahteraan kehidupan dunia dan akhirat.

Waqaf merupakan suatu cara yang menunjukkan kita bersyukur akan nikmat kurniaan Allah SWT. Banyak yang boleh dipelajari daripada fenomena COVID-19 dimana asas ekonomi global yang berteraskan kepada sistem kapitalis dan sosialis memiliki banyak kelemahan dan keterbatasan.

* Penulis adalah Prof. Datuk Dr. Kasim Mansur, Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakuan Universiti Malaysia Sabah